

## PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PEMULIHARAAN MASJID LAMA NEGERI PAHANG

### (Development of Conservation Guidelines for Old Mosques in the State of Pahang)

Mohd Rasmawi Bin Harun<sup>1,\*</sup> and Mohamad Hilmi Bin Mat Said<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Agama Islam Pahang, 26600 Pekan, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Kuantan, Malaysia

**ABSTRACT** – Mosques have become proof of the spread of Islam in a place including in the state of Pahang. The construction of new mosques has caused some of the old mosque buildings to no longer be used and to change functions. However, some of them have an important connection with the history and Islamic civilization in the state of Pahang. This happens because of the absence of proper and perfect management and supervision. Therefore, this study was conducted to reflect the concern for the valuable heritage in the state of Pahang. In particular, it aims to detect and identify the existence of old mosques in the state of Pahang, study the current methods of their conservation and develop a guideline for the conservation of heritage mosques in the state of Pahang. The methodology of this study is conducted through field observation, interviews, document review and data obtained through qualitative methods. As a result, the study has shown that the state of Pahang has old mosques that have the potential to be used as heritage mosques. The maintenance of the existence of these mosques is through the method of restoration, exchange of functions, monitoring and relocation. It should be restored by creating an inventory of old mosques in the state of Pahang, gazetting the land where they are located, opening applications for the reuse of the buildings, providing financial allocations for repairs and maintenance and gazetting it as a Pahang State Heritage Mosque. It is hoped that this study will be able to suggest some old mosques that have the potential to be restored and subsequently become famous as Pahang State's Heritage Mosques.

**ABSTRAK** – Masjid telah menjadi bukti penyebaran agama Islam di sesebuah tempat termasuklah di negeri Pahang. Pembinaan masjid-masjid baru telah menyebabkan sebahagian bangunan masjid lama tidak digunakan lagi dan bertukar fungsi. Namun, sebahagiannya mempunyai kaitan yang penting dengan sejarah dan tamadun Islam di negeri Pahang. Ini berlaku kerana ketiadaan pengurusan dan pengawasan yang teratur dan sempurna. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mencerminkan keperihatinan terhadap warisan berharga di negeri Pahang. Secara khususnya, ianya bertujuan untuk mengesan dan mengenalpasti kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang, mengkaji kaedah semasa pemuliharaannya dan membangunkan satu garis panduan pemuliharaan masjid warisan negeri Pahang. Metodologi kajian ini dilakukan secara pemerhatian lapangan, temubual, kajian dokumen dan data yang diperolehi pula melalui kaedah kualitatif. Hasilnya, kajian telah menunjukkan bahawa negeri Pahang memiliki masjid-masjid lama yang berpotensi untuk dijadikan sebagai masjid warisan. Pengekalan kewujudan masjid-masjid tersebut adalah melalui kaedah restrorasi, pertukaran fungsi, pemantauan dan perpindahan. Ianya wajar dipulihara dengan mewujudkan inventori masjid-masjid lama negeri Pahang, mewartakan tanah tapaknya, membuka permohonan penggunaan semula bangunannya, menyediakan peruntukan kewangan bagi kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraannya dan mewartakannya sebagai Masjid Warisan negeri Pahang. Kajian ini diharap dapat mencadangkan beberapa buah masjid lama yang berpotensi untuk dipulihara dan seterusnya dapat dimasyhurkan sebagai Masjid Warisan negeri Pahang.

#### ARTICLE HISTORY

Received: 1 Dec 2020

Revised: 22 Dec 2020

Accepted: 1 Jan 2021

#### KEYWORDS

*Mosque*

*Old mosque*

*Heritage mosque*

*Islamic heritage*

*Islamic civilization*

#### PENDAHULUAN

Kedatangan Islam telah membawa perubahan yang besar terhadap kehidupan masyarakat Melayu khususnya kemunculan institusi baru seperti madrasah, surau dan masjid. Pembinaan masjid adalah penting kerana menjadi bukti tertegaknya agama Islam di di negeri Pahang. Sehingga kini terdapat sejumlah **676** buah masjid sebagai tempat beribadah orang Islam. Sebahagian daripadanya boleh dikategorikan sebagai masjid-masjid lama. Masjid lama bolehlah didefinisikan sebagai sebuah bangunan masjid yang telah lama didirikan dan digunakan serta usianya menjangkau puluhan sehingga melebihi seratus tahun.

## LATAR BELAKANG

Masjid lama dapat dikategorikan kepada 2 jenis iaitu tradisional dan kedaerahan yang dibezakan dengan bentuk bumbungnya serta pengaruh yang dibawanya (*Ahmad, A.G., 1994*). Masjid Tradisional umumnya berbentuk bumbung panjang bertebat layar (*gable roof*) dan mencerminkan pengaruh yang kuat terhadap seni bina, corak hidup dan persekitaran rumah Melayu. Bumbung jenis ini mempunyai reka bentuk yang hampir sama seperti yang digunakan pada rumah-rumah tradisional. Terdapat dua jenis bumbung, sama ada yang menggunakan satu dan dua tingkat lapisan bumbung (*Abdul Halim, 1997*). Masjid Kedaerahan pula adalah lebih berunsurkan ciri masjid-masjid lama di kepulauan Indonesia berbentuk bumbung meru berlapis tiga atau dua, yang dibawa masuk oleh mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu. Pelan bangunannya ringkas, berbentuk segiempat sama ataupun segiempat tepat. Bumbung jenis ini disusun berlapis-lapis dan pada puncak bumbung pula dipasang ragam hias yang dikenali dengan nama “mahkota atap” (*Abdul Halim, 1995*).

Bagi konteks negeri Pahang, pembinaan masjid pada awalnya lebih bersifat setempat dan tidak terikut-ikut dengan seni bina masjid luar. Orang Melayu Pahang mula membina masjid dengan bentuk yang dipanggil atap tompang, iaitu bumbungnya berlapis dengan bentuk kerucup kecil ke atas seperti bentuk gelugor atau meru. Pada pertengahan abad ke-19, terdirinya sebuah masjid atap tompang di Pekan yang akhirnya dirobuhkan bagi didirikan Pejabat Sultan Lama di atas tapaknya dan sebuah lagi masjid lama di Pekan juga dirobuhkan bagi didirikan Masjid Sultan Abdullah di atas tapaknya. Sejak awal abad ke-20 di mana penjajah British telah menguasai negeri Pahang, satu bentuk baru diperkenalkan iaitu masjid limas perabung lima atau disebut juga masjid menara buah kopi seperti Masjid Hulu Cheka dan Masjid Kampung Peri. Menjelang kemerdekaan, muncul pula masjid yang memakai kubah potong bawang dan di antara yang tertua ialah Masjid Sultan Abdullah di Pekan. Pengaruh masjid berkubah potong bawang telah mula bertapak di Pahang sejak selepas Perang Dunia Kedua dan ianya terus berkembang hingga kini (*Abdul Halim, 1997*).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Peninggalan bangunan masjid-masjid lama ini merupakan aset berharga yang berfungsi sebagai bahan rujukan dan bukti sejarah perkembangan agama Islam di negeri Pahang serta wajar dilindungi dan dipulihara. Namun, usaha-usaha pemuliharaannya masih belum menyeluruh dan teratur. Tiada data dan senarai rasmi jumlah keseluruhan masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang untuk dibuat rujukan. Tiada juga sebarang pengesahan dibuat oleh pihak berwajib untuk mengiktirafnya sebagai Masjid Warisan. Selain itu, tiada satu pun bangunan masjid lama yang dilakukan konservasi mahupun tersenarai sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara. Ianya hanya bergantung kepada inisiatif pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan semasa terhadap penggunaan masjid-masjid lama tersebut. Pada 16 Jun 2016, Pemangku Raja Pahang telah menitahkan supaya kewujudan masjid-masjid lama perlu dipertahankan bagi memastikan nilai sejarah seperti penyebaran syiar Islam di sesuatu kawasan yang bertapak di rumah Allah S.W.T tersebut terus dipulihara dan dapat dikongsi bersama generasi baharu (*Pertahan Kewujudan Masjid Lama - Tengku Abdullah, 2016*). Sehubungan ini, satu kajian berkaitan kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang perlu dijalankan supaya dapat merungkai permasalahan yang telah diutarakan serta dapat mencadangkan langkah-langkah pemuliharaannya dengan teratur supaya ianya kelak dapat dimartabatkan sebagai masjid warisan negeri Pahang.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menzahirkan keperihatinan terhadap usaha-usaha pemuliharaan masjid-masjid lama sebagai warisan berharga di negeri Pahang. Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang, mengkaji kaedah semasa pemuliharaan bangunannya dan membangunkan satu garis panduan bagi pemuliharaan masjid lama di negeri Pahang.

## BATASAN KAJIAN

Kajian hanya memberikan tumpuan kepada masjid-masjid lama yang mana bangunannya masih wujud secara fizikal dan dapat disaksikan sehingga ke hari ini berdasarkan kriteria-kriteria berikut :-

- i) Bangunan masjid yang telah tidak digunakan lagi sebagai tempat ibadah secara rasmi oleh masyarakat Islam di Pahang bagi kategori Masjid Negeri, Masjid Daerah dan Masjid Kariah.
- ii) Berusia di antara lima puluh tahun ke atas dan telah dibina sebelum era kemerdekaan .
- iii) Mempunyai rekabentuk dan seni bina yang menarik dan cantik samada bercirikan tradisional atau kepulauan Melayu atau Timur Tengah.
- iv) Bangunan yang mempunyai nilai dari sudut sejarah dan seni binanya yang dapat memberi sumbangan terhadap warisan negeri Pahang.

Berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan hanya sejumlah 7 buah masjid yang dipilih berasaskan pengenalan dan pembahagian atap iaitu masjid bumbung panjang bertebat layar, masjid bumbung meru berlapis tiga atau dua, masjid bumbung limas perabung lima dan masjid kubah potong bawang. Masjid-masjid kajian ialah Masjid Negeri Lama, Masjid Lama Pulau Tawar, Masjid Lama Ulu Cheka, Masjid Lama Kuala Kerdau, Masjid Kampung Pantai, Masjid Lama Kampung Bolok Hilir dan Masjid Sultan Abdullah.

## KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu perkongsian ilmu mengenai kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang. Ianya selari dengan isu bagaimana mengekalkan warisan dan khazanah Negara. Pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang turut disertai dengan penubuhan Jabatan Warisan Negara pada 1 Mac 2006 telah membuka satu lembaran baru untuk memulihara, memelihara, melindungi dan mempromosikan kekayaan khazanah warisan Malaysia. Bagi negeri Pahang, hanya terdapat sebuah sahaja bangunan yang telah dikonservasi iaitu Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan. Satu tapak pula telah tersenarai di bawah Senarai Bangunan Warisan Kebangsaan iaitu Makam Tok Gajah serta masih tiada satu pun bangunan masjid yang dilakukan konservasi mahupun tersenarai sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan melalui Jabatan Warisan Negara. Kajian ini dilihat tepat pada masanya bagi menjunjung titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang untuk mempertahankan kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang. Ianya juga adalah sebagai usaha awal untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang dialami negeri Pahang dari aspek dokumentasi dan rujukan, langkah-langkah pemuliharaan dan pewartaan sebagai Bangunan Warisan Negeri atau Negara.

## SOROTAN KAJIAN

Menurut Kaedah-Kaedah Masjid (1998), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (Enakmen no. 3 1991), masjid ertinya “sesuatu bangunan yang diluluskan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis) untuk kegunaan sembahyang Jumaat dan sembahyang lain serta kegiatan keagamaan yang lain”. Terdapat tiga kategori masjid iaitu Masjid Negeri, Masjid Daerah dan Masjid Kariah. Manakala, menurut Akta Warisan Kebangsaan, (2005) Akta 645, Bahagian I, “warisan” umumnya didefinisikan sebagai sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru. Ia merangkumi adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku dan makalah. Oleh itu, “Masjid Warisan” ialah merujuk kepada masjid lama yang bernilai dari aspek seni bina, keseragaman atau tataletak yang menggambarkan nilai sejagat yang tinggi dari segi seni dan sejarah khususnya yang berkaitan dengan Tamadun Islam.

Harun (2005) telah menyatakan bahawa pemuliharaan adalah merupakan satu bidang yang melibatkan pengekal dan penjagaan ke atas bangunan warisan daripada dimusnahkan dengan mengambil kira kepentingannya kepada negara dan masyarakat seperti faktor sejarah dan nilai estetik yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan. Aktiviti pemuliharaan bangunan telah menjadi amalan bagi sesetengah negara dan ianya telah menjadi salah satu perkara yang penting sama seperti pemuliharaan sumber alam yang lain (*Ahmad A.G., 1994*). Kini, bidang pemuliharaan dilihat menjadi satu revolusi yang semakin mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat masa kini khususnya bagi mengekalkan kesinambungan sejarah yang pernah berlaku dahulu (*S. Johar, 2011*). Kamarul Syahril, A. Ghafar & Liawati (2007) pula menyatakan pemuliharaan bolehlah disifatkan sebagai kerja-kerja baik pulih bangunan warisan dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal. Pemuliharaan adalah bertujuan untuk mengekalkan dan mengembalikan semula sesebuah bangunan warisan ke tahap yang paling hampir dengan binaan asal.

Beberapa buah negeri telah mengambil inisiatif bagi memulihara masjid-masjid lama. Sebanyak 56 buah masjid telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Melaka oleh Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) berdasarkan Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1998 (pindaan 1993) serta menyediakan sejumlah peruntukan tahunan bagi kerja-kerja dibaik pulih. Lembaga Muzium Negeri Sembilan pula telah mengkaji dan melakukan inventori masjid-masjid lama dan bersejarah yang berusia 100 tahun di negeri itu. Negeri Selangor pula melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Melayu Negeri Selangor (PADAT) telah menjalankan kajian masjid-masjid lama serta telah menerbitkan sebuah buku “*Warisan Masjid-Masjid Lama Di Selangor*” yang telah mendokumentasikan sejumlah 34 buah masjid-masjid lama yang terdapat di Selangor.

Kajian mengenai kewujudan masjid-masjid lama di negeri Pahang adalah terbatas. Terdapat dua buah buku karya Halim Nasir iaitu “*Seni Bina Masjid di Dunia Melayu- Nusantara*” (1995) di bawah tajuk “*Masjid Lama Di Pahang*” dan “*Seni Bina Masjid dan Rumah di Pahang*” (1997) yang telah mengiktiraf kewujudan serta kepentingan penjagaan masjid-masjid lama di negeri Pahang. Kajian terbaru yang melibatkan usaha mengkaji masjid lama juga telah dilakukan oleh Azizul Azli (2015) pada tesisnya bertajuk “*Ruang Dalaman Masjid Melayu Tradisional Semenanjung Malaysia*”. Fokus kajian beliau ialah kepada ruang dalaman sebanyak 12 buah masjid daripada jenis tradisional dan asli di Semenanjung Malaysia. Masjid yang dipilih pula ialah dari bentuk bumbung panjang dan bumbung lima. Namun, hanya sebuah sahaja masjid lama di Pahang yang dikaji ruang dalamnya iaitu Masjid Kampung Pantai, Chenor.

Kesimpulannya, aktiviti pemuliharaan masjid-masjid lama di negeri Pahang agak ketinggalan berbanding negeri lain. Kajian mengenai masjid-masjid lama di negeri Pahang masih kurang dan telah agak lama dijalankan iaitu pada tahun 1995 dan 1997. Selanjutnya, hanya terdapat sebuah buku bertajuk “*Sejarah Ringkas Masjid-Masjid Negeri Pahang*” diterbitkan pada tahun 2003 yang dianggap sebagai usaha terbaik memulihara masjid lama dari sudut dokumentasi. Justeru, satu inisiatif baru perlu dilaksanakan bagi memperkaya dan mengemaskini semula maklumat-maklumat berkaitan warisan bersejarah ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kajian kes dengan bagi menjawab beberapa persoalan utama iaitu apakah masih terdapat masjid-masjid lama di negeri Pahang, bagaimanakah kaedah semasa pemuliharaannya dan apakah terdapat cadangan garis panduan pemuliharaannya. Instrumen kajian yang digunakan sebagai asas bagi memperoleh data adalah melalui 3 kaedah utama seperti berikut :-

### i) Pemerhatian Lapangan

Pengkaji melawat ke setiap lokasi masjid-masjid terbabit untuk beberapa siri. Ianya akan direkodkan di dalam Nota Pemerhatian dan disokong dengan pengambilan video dan gambar.

### ii) Temu Bual

Temu bual akan dijalankan secara dua kategori iaitu bersama responden di tempat kajian dan tokoh-tokoh yang ada kaitan secara langsung dengan kajian.

### iii) Analisa Dokumen

Dokumen-dokumen rasmi yang dianalisa ialah Enakmen 3 Tahun 1991, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, Bahagian VI – Masjid, Kaedah-Kaedah Masjid 1998 (Phg. P.U. 18/1998), Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Jabatan Warisan Negara dan Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1998 (pindaan 1993). Selain itu, dokumen-dokumen penyelidikan di perpustakaan juga dianalisa melalui pembacaan sumber-sumber bercetak seperti tesis, disertasi, buku, majalah, jurnal dan kajian ilmiah.

Setelah data-data dikumpulkan, dua kaedah utama analisis data kualitatif digunakan seperti berikut :-

### i) Metod Interpretif-Deskriptif

Metod ini digunakan dengan mengadun deskripsi, perkataan-perkataan subjek, petikan-petikan kerja daripada nota lapangan dan interpretasi penulis sendiri ke dalam satu naratif deskriptif yang kaya, terperinci dan boleh dipercayai.

### ii) Metod Komparatif

Metod ini akan membandingkan standard pemuliharaan sediaada serta permasalahan yang dialami oleh masjid-masjid lama bagi mencadangkan langkah-langkah pemuliharaan dan konservasinya secara menyeluruh dan berkesan.

## DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian lapangan melibatkan 7 buah masjid kajian kes adalah untuk mengenal pasti kewujudan masjid-masjid lama dan mengkaji kaedah pemuliharaan semasa masjid- masjid lama di negeri Pahang. Kajian kes melihat kepada latar belakang, seni bina, reka bentuk, tahap kerosakan dan status semasa penggunaannya dengan memuatkan pandangan tentang keunikan dan kepentingannya kepada negeri Pahang.

### i) Masjid Negeri Lama, Kuala Lipis



Masjid yang berusia 132 tahun ini telah diasaskan oleh Syeikh Habib Hassan seorang ulamak berbangsa Yaman serta dibina oleh Mubaligh India dan orang Minangkabau pada tahun 1888. Ia mempamerkan gaya seni bina tradisional Melayu dengan kombinasi atap Tebar Layar dan Limas Perabung Lima. Ianya terletak di lokasi asal (115) Lot 1 Sek. 7 yang berkeluasan 207.2 meter persegi. Kenunikannya terserlah sebagai Masjid Negeri pertama negeri Pahang serta memiliki sebuah menara azan. Keadaan semasa bangunannya adalah sederhana yang beroperasi sebagai Madrasah Firdaus oleh Persatuan India Muslim Lipis.



**ii) Masjid Lama Pulau Tawar, Jerantut.**



Masjid yang dianggarkan berusia 320 tahun ini diasaskan oleh Muallim Yunus bin Kecik, seorang ulamak berbangsa Sumatera yang dibina sekitar tahun 1700. Seni binanya berinspirasi gaya Nusantara dengan atap Meru Tiga Lapis dengan menggunakan kaedah pasak (tanpa paku). Latar belakangnya sarat dengan sejarah antaranya menjadi lokasi pengisytiharan identiti sebenar Pahlawan Mat Kilau pada tahun 1969 (WZWH, 2014) . Terletak di lokasi asal di bawah Warta Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (HSM 5783) seluas 0.243 ekar. Keadaan semasa bangunannya adalah baik sebagai Madrasah Muallim Yunus Al-Arabiah.

**iii) Masjid Lama Ulu Cheka, Jerantut.**



Masjid yang berusia 83 tahun ini diasaskan oleh Haji Nong Taib bin Hasan, salah seorang pemimpin yang terkenal di negeri Pahang dengan gelaran Pawang Nong. Ia adalah hasil pertukangan Khatib Ahmad bin Imam Abdullah yang dibina pada tahun 1937 hasil sumbangan derma orang ramai. Keunikan seni bina tradisional Melayu dan Nusantara terserlah pada kombinasi atapnya ; Meru Dua Lapis, Limas Perabung Lima dan tebar layar serta hiasan pada sisir angin dan tiang tingkap. Keadaan bangunannya adalah sederhana dan terletak di lokasi tanah yang tiada warta (GN 3809) seluas 1,118 ekar serta hanya berfungsi sebagai surau.

**iv) Masjid Lama Kuala Kerdau, Temerloh.**



Masjid yang dianggarkan berusia 114 tahun ini telah dibina pada tahun 1906 secara gotong-royong dengan gaya seni bina Nusantara beratap Meru Dua Lapis. Unikinya keseluruhan bangunan masjid ini telah dipindahkan daripada lokasi asalnya di tepi tebing Sungai Pahang ke lokasi semasa yang tiada berwarta (No Lot 5874, P.A. 142754) seluas 8719 meter persegi. Keadaan bangunannya adalah sederhana dan dijadikan Akademi Al-Quran dan Hadis.

v) **Masjid Kampung Pantai, Chenor.**



Masjid biru yang tersergam indah ini berusia 102 tahun dan diasaskan oleh Penghulu Engku Wan Mahmud bin Wan Salleh bersama Qadhi Ahmad. Ia dibina secara gotong-royong pada tahun 1918 dengan pengaruh gaya seni bina Nusantara beratap Meru Tiga Lapis. Keunikannya adalah pada kekukuhan bahan binaannya yang dapat bertahan walaupun dilanda banjir beberapa kali kerana terletak di tepi Sungai Pahang. Status tanahnya milik Wan Abdul Wahid bin Wan Hassan selaku pentadbir di Lot 98, GM 1809 seluas 1,464 ekar. Keadaan bangunannya adalah baik dan berfungsi sebagai surau.

vi) **Masjid Lama Bolok Hilir, Temerloh.**



Enam Bersaudara; Tok Empat Haji Long, Khatib Bakar b. Imam Yahya, Haji Jaludin b. Imam Yahya, Khatib Awang b. Imam Yahya, Bilal Tahar b. Kasim dan Bilal Ripin telah mengasaskan masjid ini pada tahun 1937 yang dianggarkan berusia 83 tahun. Keindahan gaya seni bina Nusantara dengan atap Meru Dua Lapis dilengkapi lagi dengan hiasan motif buah buton pada papan tumpu kasau serta ragam hiasan seni ukiran kayu yang cantik pada pagar tingkap dan sisir angin. Struktur binaannya daripada kayu yang kukuh terletak di sebidang tanah tidak berwarta (Lot 2041, P.A. 12577) seluas 0.1000 ekar yang kini berfungsi sebagai tempat lawatan.

vii) **Masjid Sultan Abdullah, Pekan.**



Masjid yang paling berjaya dikonservasi ini telah dinamakan sempena nama pengasasnya iaitu Sultan Pahang Ketiga, Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah. Gaya seni binanya menampakkan perubahan ketara daripada seni bina masjid-masjid sebelum ini dengan Kubah Potong Bawang yang sarat dengan penagruh Moorish. Berusia 91 tahun serta dibina oleh Public Works Department (Jabatan Kerja Raya) pada tahun 1929. Sekarang ianya dijadikan Muzium Masjid Sultan

Abdullah setelah diserahkan milik kepada Lembaga Muzium Negeri Pahang serta sedia menanti kunjungan pelawat untuk berkongsi informasi dan menghayati keindahan senibinanya.

## RUMUSAN KAJIAN

### i) Kewujudan Masjid-Masjid Lama Di Negeri Pahang

Negeri Pahang sebenarnya memiliki masjid-masjid lama yang amat berpotensi untuk dijadikan masjid warisan berdasarkan beberapa kriteria seperti faktor usia, kaitan sejarah perkembangan Islam, peranan pembesar dan pendakwah, keindahan serta keunikan senibina yang bercirikan tradisional Melayu dan Nusantara. Selain itu, khazanah binaan masjid-masjid lama yang terdapat di negeri Pahang ini juga adalah setanding dengan ciri-ciri senibina dan rekabentuk masjid-masjid lama yang telah dikonservasi sebagai masjid warisan di Malaysia. Contohnya, bentuk atap Masjid Lama Pulau Tawar Jerantut, Masjid Lama Kuala Kerdau Temerloh dan Masjid Kampung Pantai Chenor yang bercirikan Meru Berlapis Tiga adalah sama dengan bentuk yang dikesan pada Masjid Kampung Laut di Kelantan dan Masjid Kampung Tuan di Teranganu yang telah dibina antara abad ke- 16 dan 17.

### ii) Kaedah Pemuliharaan Semasa Masjid-Masjid Lama Di Negeri Pahang

Pengekalan binaan masjid-masjid lama yang dapat disaksikan sehingga ke hari ini adalah disebabkan oleh keperihatinan beberapa pihak di dalam mengambil inisiatif penggunaan dan penjagaannya. Kaedah terbaik yang ditemui bagi pemuliharaan masjid-masjid kajian kes adalah melalui **kaedah restorasi** seperti di Masjid Sultan Abdullah dan Masjid Lama Bolok Hilir. Alternatif lain kepada kaedah pemuliharaan ialah **kaedah pertukaran fungsi** iaitu dengan diambil alih pengurusanannya oleh pihak-pihak tertentu dan menukarkan fungsi asalnya kepada pusat pengajian ilmu seperti di Masjid Negeri Lama, Masjid Lama Pulau Tawar dan Masjid Lama Kuala Kerdau. Kaedah pemuliharaan seterusnya ialah **kaedah pemantauan** iaitu dengan pengawasan dan pemantauan oleh Jawatankuasa Masjid sedia ada atau Jawatankuasa Perwakilan Penduduk seperti di Masjid Lama Ulu Cheka dan Masjid Kampung Pantai. Di samping itu, terdapat kaedah pemuliharaan yang agak unik iaitu **kaedah perpindahan**. Bangunan asal Masjid Lama Kuala Kerdau telah dipindahkan dari tempat asal di tepi tebing sungai ke lokasi semasa sebelum digunakan sebagai Akademi Al-Quran dan Hadis.

### iii) Cadangan Pembangunan Garis Panduan Pemuliharaan Masjid Lama Negeri Pahang

Usaha-usaha pemuliharaan masjid lama bolehlah juga dikategorikan sebagai pengimarahannya masjid. Walaupun sudah tidak digunakan lagi secara rasmi, namun tanggungjawab pengimarahannya perlu digalas bersama. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

(Surah al-Taubah, Ayat : 18)

Maksudnya :-

*“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”*

Maksud memakmurkan masjid tidaklah hanya terhad kepada melaksanakan ibadah di dalamnya seperti bersolat dan berzikir, tetapi termasuklah juga usaha-usaha membangunkan, menjaga dan memeliharanya (Al-Jazairi, 1994). Berikut adalah beberapa cadangan pembangunan Garis Panduan Pemuliharaan Masjid Lama Negeri Pahang :-

#### (a) Mewujudkan Inventori Masjid-Masjid Lama Negeri Pahang

Semua masjid lama yang terdapat di setiap daerah di negeri Pahang perlu disenaraikan semula dan dikemaskini beberapa maklumat penting seperti status tanah, sejarah pembinaan, status semasa penggunaan dan tahap kerosakan. Ianya adalah selaras dengan kehendak perkara 90. (1) (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991) yang telah menetapkan bahawa ;

*“Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid dalam negeri Pahang dijaga dalam keadaan baik dan kawasannya dijaga dalam keadaan bersih.”*

Inventori rasmi Masjid-Masjid Lama Negeri Pahang dapat dijadikan rujukan bagi sebarang urusan berkaitan penyelenggaraan dan pengeluaran kebenaran penggunaan.

#### (b) Mewujudkan Inventori Masjid-Masjid Lama Negeri Pahang

Berdasarkan Inventori Masjid-Masjid Lama Negeri Pahang, status pemilikan tanah dapat disemak dan dikenalpasti. Mana-mana tanah tapak masjid lama yang belum diberikan hakmilik, hendaklah dikemukakan permohonan kepada



Pentadbir Tanah di daerah yang berkenaan. Cadangan ini adalah bertepatan dengan kehendak Perkara 88. (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991) yang menetapkan ;

*“Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid di dalam negeri Pahang dan setiap masjid bersama-sama dengan tanahnya, dan mana- mana tanah serta apa-apa harta tak alih di atasnya yang berhubungan dengan dan digunakan bagi faedah masjid, selain daripada tanah Kerajaan atau tanah rizab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara dan tanpa apa-apa pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik, terletak hak pada Majlis bagi maksud Enakmen ini.”*

Pewartaan tanah perlu dilaksanakan kepada Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Melayu selaku pemegang amanah kepada kepentingan umat Islam di negeri Pahang demi menjamin kewujudan dan kelangsungan pemilikan masjid sebagai rumah-rumah Allah.

**(c) Membuka Permohonan Penggunaan Semula Masjid Lama Negeri Pahang**

Masjid-Masjid Lama tersebut pula dicadangkan supaya dibuka permohonan penggunaan kepada pihak-pihak yang berminat dengan penetapan syarat- syarat yang tertentu. Kajian mendapati bahawa sebahagian besar masjid- masjid kajian kes telah mampu bertahan kewujudannya secara fizikal apabila masih digunakan berbanding dengan masjid- masjid lama lain yang terbiar tanpa penggunaan. Ianya adalah selaras dengan kehendak perkara 92. (1) (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991) yang telah menetapkan bahawa;

*“Majlis boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sebab yang munasabah menutup atau merobohkan mana-mana masjid dan boleh, jika sesuatu masjid telah dirobuhkan dan tiada tujuan untuk membina masjid yang lain atas tapak yang sama atau tiada tujuan untuk menggunakan tapak itu bagi maksud keagamaan yang lain, memajakkan, mencagarkan atau menggunakan tapak itu mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Hukum Syarak, tetapi pendapatan yang diperolehi daripadanya hendaklah disimpan untuk digunakan bagi mendirikan, menyenggara atau memperbaiki masjid, dan bukan untuk tujuan lain.”*

Antara cadangan penggunaan semula masjid yang berdasarkan fungsi masjid sebagai pusat pengembangan ilmu menurut Perkara 4. (1) Kaedah-Kaedah Masjid 1998 ialah seperti Ma’ahad Tahfiz, Madrasah, Kelas Fardu Ain, Galeri Pameran dan Perpustakaan.

Tujuan penggunaan semula Masjid Lama selain daripada dapat mengekalkan struktur bangunannya, turut berfungsi sebagai pusat aktiviti-aktiviti yang dapat mendekatkan diri dan beribadah kepada Allah serta terhindar dari segala larangan dan kemurkaan Allah berkaitan penjagaan masjid.

**(d) Menyediakan Peruntukan Kewangan Bagi Kerja Baik Pulih Masjid Lama Negeri Pahang**

Pemeliharaan bangunan lama seperti masjid sudah pasti memerlukan proses penyelenggaraan terutama bagi kerja baik pulih. Semakin berusia sesebuah bangunan, semakin banyak kerosakan dan kecacatan yang wujud. Namun demi kelangsungan sesebuah bangunan yang penting lagi bersejarah seperti masjid, sejumlah peruntukan kewangan perlu disediakan oleh pihak Kerajaan melalui Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang bagi menguruskan penyelenggaraannya. Selain itu, sebuah tabung khas “Tabung Pemeliharaan Masjid Lama Negeri Pahang” juga boleh diwujudkan bagi mengumpul dana samada melalui sumbangan organisasi, syarikat atau pihak swasta mahupun sumbangan orang ramai.

**(e) Mewartakan Masjid Lama Sebagai Masjid Warisan Negeri Pahang**

Pemeliharaan Masjid Lama di negeri Pahang dapat diperkukuhkan lagi dengan mencadangkan beberapa buah masjid lama yang berpotensi dan berkepentingan untuk diwartakan sebagai Masjid Warisan Negeri Pahang. Ianya bakal menjadi rujukan dasar dari aspek kewujudan Masjid Warisan di negeri Pahang, hala tuju, penggunaan serta pemeliharaannya. Ianya adalah selaras dengan Kuasa dan fungsi Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang seperti termaktub pada perkara 5. (1) (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991) yang telah menetapkan bahawa ;

*“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu, kecuali perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai negeri Pahang, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam negeri Pahang selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selaiannya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubung dengan agama Islam.”*

## PENUTUP

Hasil kajian jelas mendapati bahawa negeri Pahang memiliki masjid-masjid lama yang sangat bernilai dan penuh bersejarah untuk diangkat sebagai Masjid Warisan negeri Pahang. Bangunannya dapat dikekalkan sehingga ke hari ini hasil usaha dan inisiatif pihak- pihak yang berkepentingan melalui kaedah restorasi, pertukaran fungsi, perpindahan dan



pemantauan. Namun begitu status pemuliharaannya masih belum menyeluruh. Justeru, satu cadangan Garis Panduan Pemuliharaan Masjid Warisan Negeri Pahang dikemukakan bagi menyemarakkan lagi usaha-usaha pemuliharaannya secara lebih tersusun.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, N. (1995). *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim, N. (1997). *Seni Bina Masjid Dan Rumah Di Pahang*. In M. M. Nik Hassan Shuhaimi, *Pembangunan Arkeologi Pelancongan Negeri Pahang* (pp. 162-182). Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Ahmad A.G. (1994). *Pengenalan Kepada Bangunan Dan Monumen Lama Di Malaysia*. Bengkel Menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama Di Malaysia. Taiping.
- Akta Warisan Kebangsaan. (2005). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Al-Jazairi, A. B. (1994). *Aisar Al-Tafasir Li Kalam Al-Ali Al-Kabir*. Madinah: Maktabah Al-Ulum Wal-Hikmah.
- Azizul Azli, A. (2015). *Ruang Dalaman Masjid Melayu Tradisional Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Harun, S. (2005). *Amalan Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kaedah-Kaedah Masjid 1998. (1991). In *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam*. Kuantan: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kamarul Syahril A. Ghafar & Liawati. (2007). *Kecacatan Bangunan dan Kepentingan Pemuliharaan Warisan*. National Conference on Malaysia Cityscape (pp. 432-441). Lumut: Universiti Teknologi MARA
- Lembaga Muzium Negeri Sembilan Kaji Masjid Lama. (2014, Januari 9). Retrieved Julai 3, 2017, from *sinarharian*: <http://www.sinarharian.com.my>
- Mohd Zainuddin Abdullah, N. M. (2012). *Warisan Masjid-Masjid Lama Di Selangor*. Shah Alam: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.
- Pertahan Kewujudan Masjid Lama - Tengku Abdullah. (2016, Jun 17). Retrieved Jun 24, 2017, from *utusanmalaysia*: <http://www.utusanmalaysia.com.my>
- S. Johar, A. A. (2011). *Analisa Kajian Lapangan Ke Atas Kecacatan Pada Bangunan Masjid Lama Di Malaysia*. *The Journal Of Design & Built*, Mosque Edition, 44-63.
- Wan Samsiah Wan Mohd, A. I. (2003). *Sejarah Ringkas Masjid-Masjid Negeri Pahang*. Kuantan: Al-Wahidah Kreatif Sd. Bhd.
- WZWH. (2014, November 18). *Sejarah Masjid Lama Pulau Tawar dan Keturunan Orang Pulau Tawar*. Retrieved Jun 4, 2018, from *wzwh.blogspot*: <http://wzwh.blogspot.com>.